

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

HTS3560
HTS3580



EN User manual

MS-MY Manual pengguna

ZH-TW 使用手冊

ZH-CN 用户手册

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Notis	2
	Hak cipta	2
	Perisian sumber terbuka	2
	Tanda dagangan	2
2	Penting	3
	Keselamatan	3
	Penjagaan Produk	4
	Amaran kesihatan	4
	Pembuangan produk dan bateri lama	5
3	Teater rumah anda	5
	Unit utama	5
	Kawalan jauh	6
4	Sambungkan teater rumah anda	7
	Penyambung	7
	Sambung ke TV	8
	Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain	8
	Sambungkan ke internet	9
5	Gunakan teater rumah anda	10
	Sebelum anda bermula	10
	Akses menu utama	10
	Pilih bunyi anda	10
	Mainkan cakera	11
	Gunakan Bonus View pada Blu-ray	12
	Gunakan BD-Live pada Blu-ray	12
	Mainkan video 3D	12
	Main daripada peranti storan USB	13
	Lebih banyak ciri main bagi cakera atau USB	13
	Mainkan dari radio	14
	Mainkan audio daripada TV atau peranti lain	15
	Mainkan daripada pemain MP3	15
	Gunakan Pautan Mudah Philips	15

6	Tukar tetapan	16
	Akses menu persediaan	16
	Ubah tetapan video	16
	Tukar tetapan audio	16
	Sediakan rangkaian	17
	Sediakan EasyLink	17
	Tukar tetapan keutamaan.	17
	Tukar tetapan lanjutan	18
7	Kemas kinikan perisian	19
	Semak versi perisian	19
	Kemas kini perisian daripada rangkaian	19
	Kemas kini perisian daripada USB	19
8	Speksifikasi produk	20
9	Menyelesaikan masalah	21
10	Index	23

1 Notis

Hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S. dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahhimpunan adalah dilarang.

Perisian sumber terbuka

Philips Electronics Singapore Pte Ltd dengan ini menawarkan untuk menghantar; apabila diminta, salinan kod sumber lengkap yang sepadan bagi pakej perisian sumber terbuka berhak cipta yang baginya tawaran seumpama ini diminta oleh lesen yang berkaitan. Tawaran ini sah sehingga tiga tahun selepas pembelian produk kepada sesiapa yang menerima maklumat ini. Untuk mendapatkan kod sumber, sila hubungi open.source@philips.com. Jika anda lebih suka untuk tidak menggunakan e-mel atau jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan dalam masa seminggu selepas menulis ke alamat e-mel ini, sila hantar surat kepada "Open Source Team, Philips Intellectual Property & Standards, P.O. Box 220, 5600 AE Eindhoven, The Netherlands". Jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan surat anda pada masa yang sepatutnya, sila hantar e-mel ke alamat e-mel di atas. Teks untuk lesen dan perakuan bagi perisian sumber terbuka yang digunakan dalam produk ini disertakan pada risalah berasingan.

Tanda dagangan



"Blu-ray 3D" dan logo "Blu-ray 3D" adalah tanda dagangan Blu-ray Disc Association.



BONUSVIEW™

'BD LIVE' dan 'BONUSVIEW' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.



Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

x.v.Colour

'x.v.Colour' adalah tanda dagangan Sony Corporation.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby, Pro Logic, dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. # Paten: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,226,616; 6,487,535; 7,392,195; 7,272,567; 7,333,929; 7,212,872 & lain-lain paten A.S. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS dan Symbol adalah tanda dagangan didaftarkan, & DTS-HD, DTS-HD Master Audio | Essential dan logo DTS adalah tanda dagangan DTS, Inc. Product termasuk perisian. © DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.



DivX®, DivX Certified® dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan berdaftar DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.

DivX Ultra® Certified untuk memainkan video DivX® dengan ciri lanjutan dan kandungan premium.

MENGENAI VIDEO DIVX: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti Diakui DivX rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti Diperakui DivX® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan kandungan Video Atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk menjana kod pendaftaran, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com dengan kod ini untuk melengkapkan proses pendaftaran dan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai VOD DivX.



HDMI, dan logo HDMI dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar HDMI licensing LLC.



2 Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda gunakan teater rumah anda. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Sebelum anda menyambungkan produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bahagian bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan teater rumah!

- Bagi produk yang boleh dilekapkan pada dinding, gunakan hanya pendakap lekapan dinding yang dibekalkan sahaja. Kukuhan lekapan dinding pada dinding yang boleh menyokong gabungan berat produk dan lekapan dinding. Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap pemasangan dinding yang tidak wajar, kecederaan atau kerosakan.
- Bagi pembesar suara dengan dirian, gunakan hanya dirian yang dibekalkan. Pasangkan dirian pada pembesar suara dengan ketat. Letakkan dirian yang dipasangkan pada permukaan mendatar dan sama rata yang boleh menyokong berat gabungan pembesar suara dan dirian.
- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkus produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.
- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihan udara. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihan udara pada produk tersebut.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah kehabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

Penjagaan Produk

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meledak atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

Amaran kesihatan

Jika anda atau keluarga anda mempunyai sejarah mengalami epilepsi atau sawan fotosensitif, jumpalah doktor sebelum mendedahkan diri anda kepada sumber cahaya berkelip, jujukan imej deras atau tontonan 3D.

Untuk mengelakkan ketidakselesaan seperti pening, sakit kepala atau disorientasi, kami mengesyorkan agar anda tidak menonton 3D dalam tempoh masa yang panjang. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan, hentikan menonton 3D dan jangan dengan serta merta melakukan perkara yang mungkin berbahaya (seperti memandu kereta) sehingga gejala telah hilang. Jika gejala berterusan, jangan teruskan menonton 3D tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.

Ibu bapa hendaklah mengawasi anak mereka ketika menonton 3D dan memastikan mereka tidak mengalami ketidakselesaan seperti yang disebutkan di atas. Tontonan 3D tidak disyorkan bagi kanak-kanak di bawah umur enam tahun kerana sistem penglihatan mereka masih belum lagi berkembang dengan sempurna.

Pembuangan produk dan bateri lama



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.



Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC. Sila pastikan diri anda termaklum mengenai sistem kutipan berasingan setempat bagi produk elektrik dan elektronik.

Sila bertindak menurut peraturan setempat anda dan jangan buang produk lama anda dengan sisa rumah anda yang biasa.

Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah potensi akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.




Produk anda mengandungi bateri yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah yang biasa.

Sila pastikan diri anda termaklum mengenai peraturan setempat berkenaan kutipan berasingan bateri kerana pelupusan yang betul membantu mencegah akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

3 Teater rumah anda


Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat manfaat penuh daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan teater rumah anda di www.philips.com/welcome.

Unit utama



- ① **Kompartmen cakera**
- ② ▲ **(Buka/Tutup)**
Membuka atau menutup kompartmen cakera.
- ③ ►|| **(Main/Jeda)**
Memulakan, menjeda atau meneruskan permainan cakera.
- ④ ■ **(Henti)**
 - Menghentikan mainan.
 - Dalam mod radio, memadam stesen radio praset semasa.
- ⑤ ⏻ **(Bersedia-Hidup)**
Menghidupkan teater rumah atau mengalihkannya kepada siap sedia.
- ⑥ **SOURCE**
Memilih sumber audio/video bagi teater rumah.
- ⑦ ◀/▶
 - Melangkau ke trek, bab atau fail sebelum atau seterusnya.
 - Dalam mod radio, pilih stesen radio pratetap.
- ⑧ **Panel paparan**
- ⑨ **Roda kawalan kelantangan**

Kawalan jauh



1 (Bersedia-Hidup)

- Menghidupkan teater rumah atau mengalihkannya kepada siap sedia.
- Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti bersambung yang akur HDMI CEC kepada siap sedia.

2 (Laman utama)

Mengakses menu laman utama.

3 TOP MENU

Mengakses menu utama cakera video.

4 (Pilihan)

- Mengakses lebih banyak pilihan mainan semasa main balik.
- Dalam mod radio, programkan stesen radio.

5 Butang navigasi

- Menavigasi menu.
- Dalam mod radio, tekan kiri atau kanan untuk memulakan carian automatik.

6 OK

Mengesahkan entri atau pilihan.

7 (Sebelumnya/Seterusnya)

- Melangkau ke trek, bab atau fail sebelum atau seterusnya.
- Dalam mod radio, pilih stesen radio pratetap.

8 (Main)

Memulakan atau menyambungkan mainan.

9 (Jeda)

Menjedakan mainan.

10 (Pantas ke Belakang / Pantas ke Hadapan)

Mara undur atau mara laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.

11 (Senyap)

Membisu atau mengembalikan bunyi.

12 AUDIO

Dalam mod video, togol antara bahasa audio.
Dalam mod radio, togol antara stereo dan mono.

13 Butang angka

Memilih item untuk dimainkan.

14 SUBTITLE

Memilih bahasa sari kata untuk video.

15 Butang berwarna

Cakera Blu-ray sahaja: Pilih tugas atau pilihan.

16 REPEAT

Memilih atau mematikan mod ulang.

- 17  (Pilihan bunyi)
Mengakses atau keluar daripada berbagai pilihan bunyi.
- 18  +/- (Kelantangan)
Meningkatkan atau mengkurangkan kelantangan.
- 19  (Henti)
- Menghentikan mainan.
 - Tekan dan tahan untuk mengeluarkan cakera atau membuka ruang cakera.
 - Dalam mod radio, memadam stesen radio praset semasa.
- 20  (Belakang)
Kembali ke skrin menu sebelumnya.
- 21 **Butang sumber**
- **DISC / POP-UP MENU:** Beralih ke sumber cakera. Akses menu cakera bagi cakera DVD atau menu pop timbul bagi cakera Blu-ray.
 - **RADIO :** Beralih kepada radio FM.
 - **AUDIO SOURCE :** Memilih sumber input audio.

4 Sambungkan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda menyambungkan teater rumah anda kepada TV dan peranti lain. Sambungan asas teater rumah bersama aksesoriya adalah disediakan dalam panduan Bermula Pantas. Untuk panduan interaktif komprehensif, lihat www.connectivityguide.philips.com.




Catatan

- Rujuk pada plat jenis pada bahagian belakang produk untuk pengenalpastian dan perkadaran pembekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.


Penyambung

Penyambung belakang



- 1 AC MAINS~**
Menyambung kepada bekalan kuasa.
- 2 SPEAKERS**
Menyambung kepada pembesar suara dan subwufer yang dibekalkan.
- 3 LAN**
Menyambung kepada input LAN pada modem jalur lebar atau penghala.
- 4 HDMI OUT**
Menyambung kepada input HDMI pada TV.
- 5 VIDEO OUT**
Menyambung kepada input video komposit pada TV.
- 6 FM ANTENNA**
Menyambungkan antena FM untuk penerimaan radio.
- 7 AUDIO IN**
Menyambung kepada output audio analog pada TV atau peranti analog.

Penyambung sisi



- ① **USB**
Input audio, video atau gambar daripada peranti storan USB.
- ② **MP3 LINK**
Input audio daripada pemain MP3.

Sambung ke TV


Sambung teater rumah anda secara terus kepada TV melalui salah satu penyambung berikut (dari kualiti video paling tinggi hingga ke kualiti asas):

- ① **HDMI**
- ② **Video komposit**

Pilihan 1: Sambungkan ke TV melalui HDMI

 **Catatan**


- Jika HDTV itu mempunyai penyambung DVI, sambung menggunakan penyesuai HDMI/DVI.
- Jika TV itu menyokong EasyLink HDMI CEC, kawal teater rumah dan TV dengan alat kawalan jauh yang sama (lihat 'Gunakan Pautan Mudah Philips' di halaman 15).



Pilihan 2: Sambung kepada TV melalui video komposit (CVBS)

 **Catatan**

- Kabel atau penyambung video komposit mungkin dilabel **AV IN**, **VIDEO IN**, **COMPOSITE** atau **BASEBAND**.



Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain


Gunakan teater rumah anda untuk memainkan audio daripada TV atau peranti lain seperti kotak kabel.


 **Petua**

- Tekan **AUDIO SOURCE** untuk memilih output audio bagi sambungan anda.

Pilihan 1: Sambung audio melalui kabel audio analog

(Kabel tidak dibekalkan)





Sambungkan ke internet


Sambungkan teater rumah kepada rangkaian internet dan nikmati:

- **Aplikasi BD-Live:** akses kepada beberapa perkhidmatan eksklusif daripada cakera Blu-ray (lihat 'Gunakan BD-Live pada Blu-ray' di halaman 12) dengan BD-Live didayakan.
- **Kemas kini perisian:** kemas kini perisian teater rumah melalui rangkaian (lihat 'Kemas kini perisian daripada rangkaian' di halaman 19).

Apa yang anda perlukan:

- Penghala rangkaian (dengan DHCP didayakan).
- Kabel rangkaian (kabel lurus RJ45).
- Untuk mengemas kini aplikasi dan perisian BD-Live, pastikan bahawa penghala rangkaian mempunyai akses ke Internet dan tembok api dinyahdayakan.

(Kabel tidak dibekalkan)



Sediakan rangkaian

- 1 Sambungkan teater rumah kepada modem atau penghala (lihat 'Sambungkan ke internet' di halaman 9) jalur lebar.
- 2 Hidupkan TV anda dan beralih ke sumber untuk teater rumah yang betul.
- 3 Tekan **⬆** (Laman utama).
- 4 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 5 Pilih **[Rangkaian] > [Pemasangan Rangkaian]**, kemudian tekan **OK**.
- 6 Pilih **[Berwayar (Ethernet)]**, kemudian tekan **OK**.
- 7 Pilih **[Automatik (disyorkan)]** atau **[Manual (lanjutan)]**, kemudian tekan **OK**.
- 8 Ikuti arahan pada TV untuk melengkapkan persediaan.
 - ↳ Teater rumah bersambung kepada internet. Jika sambungan gagal, pilih **[Cuba lagi]**, kemudian tekan **OK**.
- 9 Pilih **[Selesai]**, kemudian tekan **OK** untuk keluar.



Awas

- Biasakan diri anda dengan penghala rangkaian, perisian pelayan media dan prinsip perangkaian sebelum mencuba menyambungkan teater rumah kepada rangkaian komputer. Jika perlu, baca dokumentasi yang disertakan bersama komponen rangkaian. Philips tidak bertanggungjawab atas data yang hilang, rosak atau tercemar.

5 Gunakan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda dalam menggunakan teater rumah untuk memainkan media daripada berbagai-bagai sumber;

Sebelum anda bermula

Periksa sama ada anda:

- Membuat sambungan yang diperlukan dan melengkapkan persediaan seperti yang diperihalkan dalam panduan Bermula Pantas.
- Menukar TV kepada sumber yang betul untuk teater rumah ini.


Akses menu utama

Menu utama memberi anda akses mudah kepada peranti yang tersambung, tetapan audio dan video, dan ciri lain.

- 1 Tekan **⬆️**(Laman utama).
➡️ Menu laman utama muncul.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih yang berikut:
 - **[mainkan cakera]** : Memulakan mainan cakera.
 - **[Semak Imbas USB]** : Mengakses penyemak imbas kandungan bagi peranti storan USB yang tersambung.
 - **[Persediaan]** : Mengakses menu untuk menukar gambar, bunyi dan tetapan lain.

Pilih bunyi anda

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.



- 1 Tekan **🔊**(Pilihan bunyi).

- 2 Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk mengakses pilihan bunyi.

Pengalaman bunyi	Perihalan
SOUND	Memilih mod bunyi.
SURROUND	Memilih bunyi keliling atau bunyi stereo.
TREBLE	Melaraskan output frekuensi tinggi.
MID	Melaraskan output frekuensi pertengahan.
BASS	Melaraskan output frekuensi rendah.
AUDIO SYNC	Menunda audio agar sepadan dengan video.

- 3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **⬅️** (Belakang) untuk keluar.
Jika anda tidak menekan mana-mana butang dalam tempoh lima saat, ia akan keluar dari menu secara automatik.

Tukar mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapakan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

- 1 Tekan **🔊**(Pilihan bunyi).
- 2 Pilih **SOUND**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan berikut:
 - **ACTION/ROCK** : Julat rendah dan tinggi dipertingkatkan. Sempurna untuk filem aksi dan muzik rock atau pop.
 - **DRAMA/JAZZ** : Julat sederhana dan tinggi yang jelas. Sempurna untuk filem drama dan muzik jazz.
 - **CONCERT/CLASSIC**: Bunyi neutral. Sempurna untuk konsert secara langsung dan muzik klasik.
 - **SPORTS** : Julat pertengahan yang sederhana dan kesan keliling untuk vokal yang jelas serta suasana tempat pertandingan sukan secara langsung.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Tukar mod bunyi surround

Alami pengalaman audio perendaman dengan mod bunyi surround.

- 1 Tekan **[Pilihan bunyi]**.
- 2 Pilih **SURROUND**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan berikut:
 - **SCH STEREO** : Meningkatkan output saluran stereo dengan menggandakan output bunyi ke pembesar suara tengah dan belakang. Sempurna untuk muzik parti.
 - **MULTI-CHANNEL/Dolby PLII** : Bunyi perendaman berbilang saluran yang mengelilingi persekitaran untuk pengalaman filem yang dipertingkatkan.
 - **STEREO**: Bunyi stereo dua saluran. Sesuai untuk mendengar muzik.

- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Tukar trebel, tengah dan bes

Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel), frekuensi pertengahan (tengah) dan frekuensi rendah (bes) teater rumah untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

- 1 Tekan **[Pilihan bunyi]**.
- 2 Pilih **TREBLE, MID** atau **BASS**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk melaraskan tahap frekuensi.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Menyegerak audio dengan video

Jika audio dan video tidak segerak, anda boleh menunda audio untuk sepadan dengan video.

- 1 Tekan **[Pilihan bunyi]**.
- 2 Pilih **AUDIO SYNC**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk menyegerak audio dengan video.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Catatan

- Segerak Bibir Audio hanya tersedia apabila anda memainkan video.

Mainkan cakera

Teater rumah boleh memainkan cakera yang berbagai-bagai, termasuk video, audio dan media campuran (contohnya, CD-R yang mengandungi gambar JPEG dan muzik MP3).

- 1 Masukkan cakera ke dalam teater rumah.
- 2 Tekan **DISC**, atau pilih **[mainkan cakera]** pada menu halaman utama dan tekan **OK**.
 - ↳ Cakera dimainkan atau menu utama cakera muncul.
- 3 Tekan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Navigasi menu.
OK	Mengesahkan entri atau pilihan.
►(Main)	Memulakan atau menyambungkan mainan.
 	Menjedakan mainan.
■	Menghentikan mainan.
◀/▶	Melangkau ke trek, bab atau fail sebelum atau seterusnya.
◀◀/▶▶	Mara undur atau mara laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
Butang navigasi (atas/bawah)	Memutar gambar melawan atau mengikut arah jam.
SUBTITLE	Memilih bahasa sari kata untuk video.
DISC	Mengakses atau keluar dari menu cakera.
☰ (Pilihan)	Mengakses lebih banyak pilihan mainan semasa main balik.

Gunakan Bonus View pada Blu-ray

Cakera Blu-ray yang menyokong ciri Bonus View (juga dikenali sebagai Gambar dalam Gambar) membenarkan anda untuk menonton kandungan khas seperti komentar pengarah semasa menonton ciri utama.

- 1 Jika perlu, dayakan Bonus View (atau Gambar dalam Gambar) dalam menu cakera Blu-ray.
- 2 Semasa bermain kembali ciri utama, tekan  (**Pilihan**).
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 3 Pilih **[Pilihan PIP] > [PIP]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Pilihan PIP [1]/[2] bergantung kepada kandungan video.
↳ Video gambar dalam gambar muncul di dalam tettingkap kecil.
- 4 Pilih **[Bahasa Audio ke-2]** atau **[Bahasa Sari Kata ke-2]**, kemudian tekan **OK**.
- 5 Pilih bahasa untuk dimainkan, kemudian, tekan **OK**.

Catatan

- Untuk mematikan Bonus View (Gambar dalam Gambar), tekan  (**Pilihan**), pilih **[Pilihan PIP] > [Mati]**, kemudian tekan **OK**.

Gunakan BD-Live pada Blu-ray

Cakera Blu-ray berdaya BD-Live adalah termasuk perkhidmatan eksklusif seperti filem dan bonus dalam talian yang lain.

- 1 Buat persediaan sambungan internet dan sediakan rangkaian (lihat 'Sambungkan ke internet' di halaman 9).
- 2 Sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
- 3 Pilih ikon BD-Live pada menu cakera, kemudian tekan **OK**.
↳ BD-Live mula dimuatkan. Masa memuat bergantung pada cakera dan sambungan internet anda.

- 4 Tekan **Butang navigasi** untuk menavigasi BD-Live.
- 5 Tekan **OK** untuk memilih item.

Catatan

- Kepelbagaian perkhidmatan BD-Live bergantung pada cakera.
- Apabila anda menggunakan BD-Live, data pada cakera dan teater rumah diakses oleh pembekal kandungan.
- Gunakan peranti storan USB dengan sekurang-kurangnya 1GB ruang bebas untuk menyimpan fail yang dimuat turun.
- Jika memori tidak mencukupi untuk memuat turun kandungan BD-Live, kosongkan ruang memori.

Mainkan video 3D

Teater rumah anda boleh memainkan video 3D pada TV 3D.

Sebelum anda bermula, pastikan bahawa:

- TV anda adalah TV 3D, dan ia disambungkan ke teater rumah anda melalui HDMI,
- cakera anda adalah cakera 3D Blu-ray, dan
- anda mempunyai kaca mata 3D yang serasi dengan TV 3D anda.

Untuk memainkan video 3D

- 1 Masukkan cakera 3D Blu-ray ke dalam teater rumah anda.
↳ TV anda akan beralih kepada sumber HDMI yang betul, dan cakera secara automatik akan dimainkan.
- 2 Jika cakera tidak dimainkan secara automatik, tekan **DISC** atau pilih **[mainkan cakera]** pada menu utama, dan kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan butang-butang mainan untuk mengawal mainan.
Semasa anda membuat carian ke hadapan atau ke belakang, dan dalam mod mainan yang lain, video akan membuat paparan 2D. Ia akan kembali kepada paparan 3D apabila anda mula memainkan kembali cakera secara normal.
- 4 Pakai kaca mata 3D untuk menikmati kesan 3D.

Mainkan cakera 3D dalam 2D

- 1 Tekan  (Laman utama).
- 2 Pilih **[Persediaan]** > **[Video]** > **[Video 3D Blu-ray]** > **[Mati]**.
- 3 Tekan **OK**.
- 4 Mainkan cakera 3D Blu-ray anda.
↳ Video 3D dipaparkan dalam 2D.

Main daripada peranti storan USB

Teater rumah ini dilengkapi penyambung USB yang membolehkan anda melihat gambar, mendengar muzik atau menonton filem yang disimpan pada peranti storan USB.

- 1 Sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
- 2 Tekan  (Laman utama).
↳ Menu utama muncul.
- 3 Pilih **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Penyemak imbas kandungan akan muncul.
- 4 Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
- 5 Gunakan butang main balik untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan cakera' di halaman 11).

Catatan

- Jika peranti storan USB tidak muat dalam penyambung, gunakan kabel sambungan USB.
- Teater rumah tidak menyokong kamera digital yang memerlukan program komputer untuk memaparkan foto.
- Peranti storan USB mestilah mematuhi Kelas Penyimpanan Massa, dan terformat kepada sistem fail FAT, DOS, atau NTFS.

Lebih banyak ciri main bagi cakera atau USB

Beberapa ciri lanjutan tersedia untuk main balik video atau gambar daripada cakera atau peranti storan USB.

Gunakan pilihan video

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat video.

Catatan

- Pilihan video yang tersedia bergantung kepada sumber video.

- 1 Tekan  (**Pilihan**).
↳ Menu pilihan video muncul.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan melaraskan:
 - **[Bahasa Audio]** : Memilih bahasa audio bagi video.
 - **[Bahasa Sari Kata]** : Memilih bahasa sari kata untuk video.
 - **[Anjak Sari Kata]** : Melaraskan kedudukan sari kata pada skrin.
 - **[Maklumat]** : Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
 - **[Set Aksara]** : Pilih set aksara yang menyokong sarikata DivX.
 - **[Carian Masa]** : Melangkah ke bahagian tertentu video dengan memasukkan masa adegan.
 - **[Bahasa Audio ke-2]** : Memilih bahasa audio kedua untuk dimainkan.
 - **[Bahasa Sari Kata ke-2]** : Memilih bahasa sari kata kedua untuk dimainkan.
 - **[Tajuk]** : Memilih tajuk tertentu.
 - **[Bab]** : Memilih bab tertentu.
 - **[Senarai Sudut]** : Memilih sudut kamera yang berbeza.
 - **[Menu]** : Memaparkan menu cakera.
 - **[Pilihan PIP]** : Memaparkan tetingkap Gambar dalam Gambar.
 - **[Zum]** : Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih faktor zum.
 - **[Ulang]** : Mengulangi bab atau tajuk.
 - **[Ulang A-B]** : Menandakan dua titik dalam bab atau trek untuk main ulang, atau mematikan mod ulangan.
 - **[Tetapan Gambar]** : Memilih tetapan warna yang ditetapkan lebih awal.

Gunakan pilihan gambar

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat gambar.

- 1 Tekan  (Pilihan).
- ↳ Menu pilihan gambar muncul.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan melaraskan:
- **[Putar +90]** : Memutar gambar 90 darjah mengikut arah jam.
 - **[Putar -90]** : Memutar gambar 90 darjah melawan arah jam.
 - **[Zum]** : Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih faktor zum.
 - **[Maklumat]** : Memaparkan maklumat gambar.
 - **[Tempoh setiap slaid]** : Menetapkan kelajuan paparan setiap gambar dalam tayangan slaid.
 - **[Animasi Slaid]** : Memilih animasi bagi tayangan slaid.
 - **[Tetapan Gambar]** : Memilih tetapan warna yang ditetapkan lebih awal.
 - **[Ulang]** : Mengulangi folder yang dipilih.

Gunakan pilihan audio

Akses beberapa ciri berguna semasa audio dimainkan.

- 1 Tekan  (Pilihan) berulang kali untuk mengitar melalui fungsi berikut:
- **REPEAT TRACK** : Mengulangi trek semasa.
 - **REPEAT DISC** : Mengulangi semua trek pada cakera atau folder.
 - **REPEAT RANDOM** : Memainkan trek audio dalam aturan rawak.
 - **REPEAT OFF** : Mematikan mod ulangan.

Main pertunjukan slaid muzik

Main muzik dan gambar secara serentak untuk membuat pertunjukan slaid muzik.

- 1 Pilih trek muzik, kemudian tekan **OK**.
- 2 Tekan  (Belakang) dan pergi ke folder gambar.
- 3 Pilih gambar, kemudian tekan **OK** untuk memulakan pertunjukan slaid.

- 4 Tekan  untuk menghentikan pertunjukan slaid.
- 5 Tekan  sekali lagi untuk menghentikan muzik.

Mainkan dari radio

Teater rumah boleh menyimpan sehingga 40 stesen radio.

- 1 Periksa bahawa antena FM telah disambungkan.
- 2 Tekan **RADIO**.
- ↳ “AUTO INSTALL...PRESS PLAY” muncul pada panel paparan jika anda belum lagi memasang sebarang stesen radio. Tekan  (Main).
- 3 Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
	Pilih saluran radio pratetap.
Butang navigasi (kiri/kanan)	Mencari stesen radio.
Butang navigasi (atas/bawah)	Menala haluskan frekuensi radio.
	Tekan dan tahan untuk memadam stesen radio pratetap. Tekan untuk menghentikan pemasangan stesen radio.
 (Pilihan)	Manual: Tekan sekali untuk mengakses mod program, dan tekan sekali lagi untuk menyimpan stesen radio. Automatik: Tekan dan tahan selama lima saat untuk memasang semula stesen radio.
AUDIO	Mentogol antara bunyi stereo dan mono.

 Catatan

- Radio AM dan digital tidak disokong.
- Jika tiada isyarat radio yang dikesan, atau jika kurang daripada lima stesen dijumpai, anda akan digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi.
- Untuk penerimaan terbaik, letakkan antena jauh daripada TV atau sumber sinaran lain.

Tukar grid talaan

Di sesetengah negara, anda boleh menukar grid talaan FM antara 50 kHz dan 100 kHz. Menukarkan grid talaan akan memadamkan semua stesen radio pratetap.

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan **■** (Henti).
- 3 Tekan dan tahan **▶** (Main) untuk menukar togol antara frekuensi 100 kHz dan 50 kHz.

Mainkan audio daripada TV atau peranti lain

Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih output audio bagi peranti yang tersambung.

Mainkan daripada pemain MP3

